

Tiada PKP, boleh balik raya Cina, Aidilfitri

BERA: Kerajaan memberi jaminan tidak akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, negeri mahupun daerah meskipun terdapat peningkatan jumlah kes positif Covid-19 sejak kelmarin.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, orang ramai boleh pulang ke kampung masing-masing untuk menyambut Tahun Baharu Cina dan juga pada Aidilfitri pada awal bulan Mei ini.

"Kita tidak akan melaksanakan PKP di seluruh negara, negeri mahupun daerah, melainkan kawasan tertentu sahaja yang akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

"Tiada lagi sekatan ekonomi dan sektor-sektor ekonomi akan berjalan seperti biasa kecuali kawasan yang dikenakan PKPD," kata Perdana Menteri selepas Majlis Perjumpaan Bersama Anggota Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Da-



ISMAIL SABRI Yaakob beramah mesra dengan petugas Kemas pada Majlis Perjumpaan Bersama Anggota Kemas Daerah Bera di Pejabat Kemas Daerah Bera semalam.- UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

erah Bera di sini semalam.

Justeru Ismail Sabri meminta rakyat tidak perlu bimbang mengenai perancangan untuk pulang berhari raya di kampung pada tahun ini.

"Jangan bimbang dengan spekulasi yang disebarikan kerana saya memberi jaminan, tiada lagi sekatan sama ada dari segi sektor ekonomi mahupun pergerakan pulang ke kam-

pung," katanya.

Bagaimanapun, beliau menyatakan rasa bimbang dengan peningkatan jumlah kes semalam yang mencecah 4,115 kes.